



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA  
DAN TRANSFORMASI AIR

## **TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI  
PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
HARI INOVASI DAN PERSIDANGAN PENGURUS KANAN &  
JURUTERA DAERAH  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA 2024**

**22 SEPTEMBER 2024 (AHAD)**

**9.00 PAGI**

**HOLIDAY VILLA JOHOR BAHRU**  
**JOHOR**

**Bismillahirrahmanirrahim**  
**(Salutasi)**

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia  
MADANI

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapat kita bersama pada pagi ini bersempena dengan Majlis Hari Inovasi dan Persidangan Pengurus Kanan dan Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia Tahun 2024.

2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur di atas jemputan kepada saya untuk menyampaikan sedikit amanat dalam majlis tahunan JPS ini. Tahun ini merupakan tahun pertama saya bersama merasmikan Majlis Hari Inovasi dan Persidangan Pengurus Kanan dan Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

3. Program ini begitu signifikan kepada semua warga JPS dengan kehadiran hampir 500 orang peserta yang terdiri daripada penerima anugerah inovasi serta Pengurus Kanan dan Jurutera-Jurutera Daerah dari seluruh Malaysia. Marilah sama-sama kita berdoa kepada Allah SWT, semoga program selama 3 hari ini akan berjalan lancar dan bermanfaat kepada kita semua.

Insyah-Allah.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

4. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) berpegang teguh dengan visi meneraju tadbir urus bekalan elektrik dan air yang mampan serta inklusif dalam menjamin kesejahteraan negara. PETRA akan terus memastikan kelestarian dan keterjaminan air melalui dasar dan pengukuhan tadbir urus.

5. PETRA juga komited untuk memperkukuh pelaksanaan transformasi sektor air demi jaminan bekalan air yang selamat kepada rakyat melalui adaptasi teknologi pintar serta pendigitalan. Transformasi sektor air akan memastikan sumber air negara yang berdaya maju dan mendorong Malaysia sebagai hab air dinamik yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan baharu serta memudahcara penyelidikan dan pembangunan (R&D), inovasi dan pengkomersialan.

6. Dalam konteks ini, PETRA memainkan peranan penting dalam memperkasa tadbir urus air di peringkat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan ke arah pengurusan air yang bersepadu. Transformasi sektor air ke arah pengurusan air yang lebih cekap memerlukan sistem maklumat berintegrasi

bagi memudahkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri. Ini penting untuk melindungi keselamatan air dan kemampuan ekosistem demi masa depan yang baik.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

7. Penganjuran sambutan Hari Inovasi merupakan komitmen dan inisiatif murni bagi menyemai dan memperkasa budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga kerja. Sambutan Hari Inovasi ini juga adalah bertujuan untuk memberi pengiktirafan serta penghargaan kepada mereka yang berjaya menghasilkan inovasi yang signifikan serta memberi impak besar kepada perkembangan dan kemajuan organisasi termasuk dari aspek teknikal demi menghasilkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

8. Amalan kreatif dan inovatif di dalam melaksanakan tugas kerja dalam kalangan warga JPS perlu dijadikan budaya. Pembudayaan inovasi dan kreativiti yang konsisten ini akan dapat dicapai sekiranya ia diamalkan secara berterusan. Amalan yang berterusan ini akan menjadi pemangkin transformasi dan dapat membantu meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

9. Pembudayaan inovasi jelas menjadi antara dasar dalam kerangka Malaysia MADANI yang digagaskan oleh Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri dengan penekanan kepada Nilai Teras Ketiga iaitu Daya Cipta. Fokus utamanya adalah menggalakkan pembudayaan inovasi di kalangan masyarakat agar rakyat kebanyakannya berubah daripada pengguna kepada penyumbang aktif di dalam pembangunan sesebuah teknologi.

**Hadirin sekalian,**

10. Berdasarkan *Global Innovation Index 2023* yang dikeluarkan oleh *World Intellectual Property Organization*, Malaysia telah menduduki tempat ke-36 daripada 132 buah negara dengan purata skor 40.9, berbanding purata skor 38.7 pada tahun 2022. Pencapaian ini boleh dibanggakan dan kita perlu kekal kompetitif dan berdaya saing melalui pemikiran secara kreatif dan inovatif iaitu “*thinking out of the box*”.

11. Atas dasar ini, saya yakin JPS boleh melipatgandakan usaha bagi mencipta pelbagai lagi cetusan idea yang berinovatif dalam sistem penyampaian perkhidmatan seiring dengan arus globalisasi yang pesat berkembang dewasa ini. Dengan itu, JPS telah mencapai pelbagai pencapaian inovasi termasuk pengkomersialan produk inovasi Jabatan.

12. Pada pagi ini, seramai 25 pemenang inovasi akan menerima anugerah kecemerlangan di atas jerih perit menghasilkan produk-

produk inovasi. Semoga kejayaan ini menjadi pembakar semangat kepada semua untuk terus berkarya. Syabas saya ucapkan!

### **Hadirin yang dihormati,**

13. Monsun Timur Laut yang kebiasaannya melanda negara pada November hingga Mac setiap tahun akan mengakibatkan bencana banjir di beberapa buah negeri di Malaysia. Fenomena ini akan menyebabkan episod hujan lebat luar biasa secara berterusan dengan intensiti dalam tempoh satu hari melebihi jumlah purata hujan sebulan.

14. Kenaikan mendadak aras air sungai hingga melepasi aras bahaya telah menyebabkan limpahan dan banjir ditambah pula dengan pertembungan fenomena air pasang besar. Banjir bukan sahaja boleh menyebabkan kerosakan harta benda bahkan boleh menjejaskan keselamatan nyawa manusia. Tidak keterlaluan, ia juga boleh merencatkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara.

15. JPS selaku agensi yang turut bertanggungjawab dalam pengurusan banjir perlu merancang sebaik mungkin dan mengambil tindakan yang perlu termasuk langkah-langkah pasca banjir di kawasan-kawasan yang terlibat. JPS juga hendaklah

memastikan kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana banjir dengan sentiasa berada di tahap terbaik dari aspek pengurusan sumber manusia, aset dan pelaksanaan pembangunan.

16. Persiapan yang boleh dilakukan oleh JPS antaranya menaiktaraf ban dan tembok penahan banjir, penyelenggaraan kolam takungan banjir, pintu kawalan air, pam tetap dan bergerak, kamera pemantauan serta sistem ramalan dan amaran banjir. JPS telah melaksanakan kerja-kerja mitigasi jangka pendek dan jangka panjang dalam pengurusan banjir secara holistik dan bersepadu dengan mengguna pakai pendekatan struktur dan bukan struktur selaras dengan usaha mentransformasi sektor air negara.

17. Saya yakin, perbincangan semasa persidangan selama tiga hari ini dapat mencapai kesepakatan dalam menyahut cabaran bersesuaian dengan tema persidangan iaitu “Mendepani Perubahan Globalisasi Dalam Memperkasa dan Merelevankan Perkhidmatan JPS”.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

18. Majlis Air Negara (MAN) yang ditubuhkan di peringkat Persekutuan merupakan forum penting di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam menentukan dasar,



hala tuju dan pendekatan berhubung dengan pengurusan dan pembangunan air negara. MAN turut berfungsi bagi memperakui pelan-pelan tindakan berkaitan air serta memberi khidmat nasihat dan kepakaran teknikal kepada kerajaan negeri ke atas pengurusan dan pembangunan air.

19. Mesyuarat Majlis Air Negara Keenam yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 13 September 2024 memberi tumpuan kepada strategi meningkatkan pengawalan kualiti air sungai serta pengukuhan pengurusan dan penyelidikan bahan cemar baharu dalam sumber air Malaysia. Banyak implikasi disebabkan oleh pencemaran air berada di tahap yang kurang baik. YAB Perdana Menteri telah menekankan kepentingan penguatkuasaan berdasarkan peraturan dan undang-undang disamping keperluan pemantapan tatakelola serta pengaplikasian teknologi terkini dalam usaha memantapkan kualiti pengurusan air sungai di seluruh negara.

20. Mesyuarat turut bersetuju terhadap keperluan penubuhan satu jawatankuasa kerja bagi meneliti ancaman pencemaran sumber air. Jawatankuasa tersebut akan melibatkan semua pemegang taruh untuk memastikan ancaman ini dapat ditangani segera. Kerajaan MADANI juga akan terus memberi fokus bagi mengurangkan bekalan air tidak berhasil yang masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Ini adalah penting dalam

mengurangkan pembaziran dan memastikan kemampunan sumber air negara.

**Hadirin sekalian,**

21. Kerajaan MADANI bersetuju agar Sistem Saraan Malaysia, SSM diganti kepada Sistem Saraan Perkhidmatan Awam, SSPA berkuatkuasa 1 Disember 2024 seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-19 Tahun 2024 pada 16 Ogos 2024. Ini merupakan tanda keprihatinan Kerajaan kepada penjawat awam.

22. Kajian keseluruhan sistem saraan ini berdasarkan kepada reformasi perkhidmatan awam iaitu: -

- a) Meningkatkan kadar produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam;
- b) Meningkatkan kesediaan penjawat awam dalam melaksanakan perubahan; dan
- c) Meningkatkan daya saing negara.

23. Ini selaras dengan hasrat Rancangan Malaysia ke-12 khususnya melalui strategi menyusun semula institusi, memperkukuh penyampaian perkhidmatan sektor awam yang bertujuan untuk mewujudkan organisasi yang lebih mendatar, meningkatkan ketelusan dan mengoptimumkan penggunaan

sumber secara menyeluruh.

24. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperkukuhkan integriti dan tatakelola perkhidmatan awam di dalam organisasi. Integriti serta akauntabiliti adalah antara prinsip yang perlu ada dalam setiap penjawat awam dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Nilai-nilai integriti yang telah dipasak dalam Islam juga perlu dihayati serta diamalkan oleh semua penjawat awam khususnya yang beragama Islam. Islam menegah umatnya untuk melakukan sesuatu perkara yang sia-sia, yang tidak membawa apa-apa faedah serta boleh membawa kepada kemusnahan. Seperti firman Allah SWT dalam Surat Al-Maidah Ayat 2: -

*“Dan tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa, serta janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran”*

**Hadirin yang saya hormati,**

25. Sebagai penutup pada Hari Inovasi dan Persidangan ini, suka saya berpesan kepada diri saya dan semua warga JPS yang berada di hadapan saya untuk sama-sama melaksanakan semua tanggungjawab yang diberikan dengan penuh dedikasi dan amanah.

26. Saya berharap semoga persidangan ini akan menjadi medan perkongsian idea-idea yang bermanfaat kepada Jabatan dan Kementerian seterusnya kepada negara ke arah penambahbaikan perancangan-perancangan Jabatan. Saya juga mendoakan semoga JPS akan terus relevan dalam menjayakan perkhidmatan yang sempurna bagi menerajui kejuruteraan sumber air negara.

27. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Inovasi dan Persidangan Pengurus Kanan dan Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia Bagi Tahun 2024.

**Wabillahi Taufik Walhidayah,**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Terima kasih.**